

Headline	RM100 juta pulihkan hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	162 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,202
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,605



RM100 juta pulihkan hutan

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Kerajaan memperuntukkan RM100 juta melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk memulihkan 4,750 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal Terosot di seluruh Semenanjung.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, program pemulihan berkenaan melibatkan penanaman pelbagai jenis pokok di kawasan yang diceroobh seperti di Cameron Highlands, Pahang.

Katanya, pihak berkuasa turut menjalin kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penduduk setempat, institusi pengajian tinggi (IPT) dan syarikat-syarikat korporat dalam menjalankan pelbagai program penanaman semula.

"Program penghijauan ini turut dilaksanakan di bawah tanggung-

jawab sosial beberapa rakan kerjasama kementerian.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), dari tahun 2011 hingga 2015, seluas 600 hektar kawasan terosot dalam hutan simpanan kekal berjaya ditanam dengan pelbagai jenis pokok," katanya ketika menjawab soalan **Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut)** dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Ahmad Nazlan meminta penjelasan kerajaan mengenai langkah-langkah yang diambil pihak berkuasa terutama Institut Penyelidikan

Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam meningkatkan pembangunan dan pemuliharaan hutan.

Hamim berkata, program pemulihan hutan turut dilaksanakan di kawasan pesisiran pantai melalui penanaman semula pokok

bakau dan pelbagai jenis tanaman lain yang bersesuaian.

Katanya, bermula tahun 2005 hingga 2015, lebih enam juta pokok bakau dan spesies lain telah berjaya ditanam di kawasan seluas 2,571 hektar di seluruh negara dengan kerjasama pelbagai pihak.

"Objektif pelaksanaan program ini ialah untuk memulihara pesisiran pantai sebagai kawasan perlindungan semula jadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan serta pencerobohan hutan paya laut.

"Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) juga diwujudkan bagi membentuk satu rangkaian hutan perlindungan yang bersambung bagi kepentingan pemeliharaan pelbagai biologi, hidupan liar dan alam sekitar," katanya.



HAMIM SAMURI